

PM iktiraf Johor kuasa ekonomi baharu negara

ISKANDAR PUTERI - Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Abd Razak mengulangi pengiktirafan ke atas Johor sebagai kuasa ekonomi baharu untuk negara.

Menurutnya, ia satu pengiktirafan yang amat jelas bahawa kadar dan nadi pertumbuhan negara akan berpusat di negeri ini.

Katanya, beliau difahamkan oleh Menteri Besar Johor Ekspo Johor Berkemajuan 2017 itu diadakan untuk memamer dan memaklumkan kepada beliau dan rakyat mengenai kemajuan yang telah dicapai oleh Johor dan hala tuju seterusnya.

"Sebenarnya ekspo ini tak perlu memberi pengetahuan kepada saya, kerana saya sudah pun tahu berkenaan kemajuan yang begitu

memberangsangkan yang telah dicapai oleh Johor," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Ekspo Johor Berkemajuan 2017 di Kota Iskandar di sini, semalam.

Najib berkata, ekspo itu memberi maklumat lebih jelas dan terperinci kerana ada pihak tertentu yang cuba mengelirukan rakyat.

"Seperti mana Datuk Khaled sebut (dalam ucapan), menjual kebajikan, menjual harapan dan janji. Sebenarnya kerajaan pimpinan kita hari ini tak perlu jual harapan dan tak perlu jual janji.

"Kita sebenarnya sudah pun melaksanakannya. Dan akan laksanakan lebih banyak lagi," katanya.

Beliau turut menyatakan komitmen bahawa Johor akan melalui fasa

pembangunan yang begitu menakutkan atas beberapa faktor.

"Antaranya kerana hubungan yang sungguh erat antara Kerajaan Johor dan kerajaan pusat, khususnya peranan yang dimainkan oleh Menteri Besar Johor sendiri untuk menjamin bahawa hubungan ini sentiasa kukuh dan juga sumbangan oleh menteri-menteri dari Johor serta ahli-ahli politik lain yang turut bersama-sama dan sudah tentu di bawah naungan Sultan Johor sendiri yang banyak membantu mendorong pembangunan di negeri ini.

"Selain faktor itu, saya melihat ada kelainan dan keunikan oleh Kerajaan Johor antaranya memberi kuasa kepada pegawai daerah, Majlis Tindakan Daerah untuk membuat perancangan, bukan berdasarkan perancangan yang dibuat kementerian yang berpusat di Putrajaya, tetapi perancangan, tema, keutamaan dan penegasan berpunca daripada perancangan dibuat di peringkat daerah sendiri.

"Sebab itulah tiap-tiap daerah di Johor ini ada tema masing-masing, ada hala tuju masing-masing, apa yang nak dijadikan keutamaan. Jadi tahniah saya ucapkan kepada kerajaan negeri yang telah memberikan kuasa kepada daerah untuk membuat perancangan," katanya.

Hubungan erat Johor, persekutuan rancakkan pembangunan



Perdana Menteri diberi penerangan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Prima Datuk Abdul Mutalib Alias (dua, kanan) mengenai model rumah Prima yang akan dibina sambil diperlihatkan oleh Mohamed Khaled ketika melawat pameran pada Perasmian Ekspo Johor Berkemajuan 2017 di Kota Iskandar, semalam.

ISKANDAR PUTERI - Kerancangan pembangunan Johor terhasil daripada kerjasama erat antara kerajaan negeri dan persekutuan yang banyak memberi sokongan dan perhatian kepada negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, hubungan baik kedua-dua pihak ini perlu diperkukuhkan agar rakyat negeri ini terus mendapat limpahan manfaat.

"Banyak sekali sokongan, bantuan dan perhatian diberi-

kan kerajaan persekutuan kepada negeri Johor terutama dalam menjadikan negeri ini sebagai destinasi pilihan kepada pelaksanaan pelbagai projek dan pembangunan berimpak tinggi.

"Saya percaya amat penting untuk kedua-dua kerajaan negeri dan persekutuan mengukuhkan hubungan baik ini agar manfaatnya diterima rakyat dan negara ini," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Ekspo Johor Berkemajuan 2017.



Mohamed Khaled mengiringi Najib melawat pameran yang diadakan sepanjang Ekspo Johor Berkemajuan berlangsung.

Empat inisiatif dilancar

Kerajaan negeri sifatkan ia langkah pro-rakyat serta penting dalam memastikan kejayaan keseluruhan

MOHD FIRDAUS YON & SHAHIZATUL FARHA S ROSLI

ISKANDAR PUTERI - Kerajaan negeri menyifatkan empat inisiatif yang dilancarkan pada Ekspo Johor Berkemajuan sebagai langkah pro-rakyat dan amat penting dalam memastikan kejayaan keseluruhan agenda pembangunan di Johor.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, kesemua inisiatif berkenaan merupakan sesuatu yang bermanfaat bagi memastikan kepentingan dan kesejahteraan sosial di negeri ini dapat dimantapkan.

Keempat-empat inisiatif itu termasuk kemudahan pengangkutan awam Bas Rapid Transit (BRT), Pelan Induk Kemahiran Johor, Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Dasar Kelestarian Johor.

"BRT oleh kerajaan persekutuan akan dibangunkan dengan kerjasama Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (Irda) yang akan menghubungkan 90 peratus

lalu lintas dalam Iskandar Malaysia meliputi 51 kilometer, 39 stesen serta tiga hab dan Fasa 1 projek ini dijadualkan mula beroperasi pada 2021.

"Kita juga mahu rakyat Johor yang berilmu dan berkemahiran, Pelan Induk Kemahiran Johor ini menggariskan komitmen kerajaan negeri dalam menambah baik Program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Perasmian Ekspo Johor Berkemajuan 2017 di Dataran Mahkota Kota Iskandar di sini, semalam.

Majlis dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein Onn.

Mohamed Khaled berkata, projek PPR merupakan kesinambungan agenda perumahan di negeri ini dan sebanyak empat projek PPR dilancarkan melibatkan pembinaan

info

• Turut hadir, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Ir Wee Ka Siong

1,830 unit rumah dengan kos berjumlah RM360 juta.

"Empat projek PPR dijalankan di Ulu Tiram, Permas Jaya, Masai dan Bandar Tenggara. Kesemua projek ini akan dilengkapkan dengan kemudahan awam seperti surau, kedai, dewan komuniti dan taska.

"Johor juga merupakan negeri ketiga terbanyak menerima projek PPR di Malaysia di mana sehingga 30 September tahun ini sahaja sebanyak 8,278 unit rumah PPR telah disiapkan di seluruh Johor dengan kos RM1575 juta," katanya.

Dalam pada itu katanya, Dasar



Mohamed Khaled menyampaikan cenderahati kepada Najib atas kesudian beliau merasmikan Ekspo Johor Berkemajuan 2017, semalam.

Kelestarian Johor digubal sebagai garis panduan dan komitmen kerajaan negeri dalam usaha memelihara dan memuliharaan alam sekitar.

"Kita sentiasa percaya, kerancangan pembangunan dan kemajuan yang kita susun tidak seharusnya

dilakukan dengan mengadaikan alam sekitar.

"Insya-Allah menerusi dasar yang komprehensif ini ia akan membantu Johor mengurus alam sekitar dengan lebih, strategik dan berkesan," katanya.